

02 OCT 1996

Mahathir - Exco

EXCO KELANTAN DARI S46 TIDAK PERLU LETAK JAWATAN, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keempat-empat anggota Exco Kerajaan Negeri Kelantan dari Parti Melayu Semangat 46 (S46) tidak perlu meletak jawatan walaupun mereka menyertai Umno kelak.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata Umno tidak akan menasihati mereka supaya meletakkan jawatan kerana pelantikan anggota exco dibuat oleh Sultan Kelantan.

"Saya tak nampak mengapa mereka perlu letak jawatan. Dia masuk dalam exco kerana dilantik oleh Sultan," katanya ketika ditanya pemberita selepas menyaksikan upacara menandatangani kontrak kejuruteraan, pemerolehan dan pembinaan (EPC) projek hidroelektrik Bakun di sini hari ini.

Ahad ini, S46 akan mengadakan Perhimpunan Agung Luar Biasa di sini bagi membolehkan parti itu dibubarkan dan anggotanya memasuki Umno secara beramai-ramai.

Berikutan pembubaran itu, kedudukan anggota exco Kerajaan Negeri Kelantan dari S46 menjadi tanda tanya kerana mereka bukan lagi sebahagian daripada anggota parti yang memerintah negeri berkenaan.

Dr Mahathir berkata hanya Sultan Kelantan yang berhak meminta anggota-anggota exco itu meletakkan jawatan kerana pelantikan mereka dibuat oleh baginda.

Bagaimanapun, beliau berkata, Umno akan membantu anggota-anggota exco itu jika mereka menghadapi masalah.

"Kita anggap dia macam ahli Umno yang lain. Kalau ada masalah, kita akan selesaikan," katanya.

Mengenai layanan kepada anggota parti itu kelak selepas pembubaran S46 dan penyertaan mereka ke dalam Umno, Perdana Menteri berkata Umno akan menyambut mereka secara ikhlas.

"Saya akan menemui Tengku Razaleigh Hamzah (Presiden S46) pada perhimpunan (penyatuan Melayu) di Kelantan esok," katanya. -- BERNAMA

AH MAI